

Pembentukan Elit Melayu Anglophile: Suatu Tinjauan Kritis Terhadap Pembinaan Negara Malaysia

The Formation of the Anglophile Malay Elite: A Critical Review of Malaysian Nation-Building

Muhammad Aiman bin Ahmad Faudzi^①

¹ Interdisciplinary Research and International Strategy (IRIS) Institute
(^①aiman@iris.institute)

ABSTRAK

Naratif arus perdana mengenai pembentukan Malaysia cenderung menekankan rundingan kemerdekaan, kompromi perlembagaan dan integrasi wilayah sebagai asas legitimasi negara pascakolonial. Namun, pendekatan ini sering mengabaikan persoalan lebih mendasar tentang bagaimana struktur kuasa dan epistemologi kolonial dikekalkan melalui pembentukan elit Anglophile khususnya dalam golongan atasan Melayu. Penulisan ini berhujah bahawa pembentukan Malaysia perlu dilihat sebagai proses peralihan kuasa yang dirangka untuk mengekalkan kesinambungan struktur dan sistem kolonial dalam bentuk negara bangsa moden. Dengan memanfaatkan teori elit klasik dan kerangka pascakolonial, penulisan ini meneliti strategi rekrutmen elit Melayu Anglophile sebagai mekanisme pengekalan kuasa kolonial pascamerdeka melalui (1) penyasaran golongan bangsawan dan pentadbir tempatan sebagai perantara kolonial; (2) pembinaan ilmu kolonial yang meminggirkan sistem pengetahuan tempatan; (3) sistem pendidikan kolonial bersepadu; dan (4) jaringan ideologi dan politik beracuan Barat. Strategi rekrutmen Anglophile ini membentuk kelas pemerintah pascakolonial yang bukan sekadar terlatih secara teknokratik, tetapi turut menginternalisasi rasionaliti politik kolonial. Peralihan kuasa 1957 dengan demikian dapat difahami sebagai kesinambungan terubah (*transformed continuity*), di mana negara “merdeka” lahir tanpa pemutusan radikal daripada asas epistemologi dan institusi kolonial. Dengan meneliti strategi rekrutmen elit Anglophile dalam pembentukan Malaysia, artikel ini mencabar kefahaman konvensional tentang kemerdekaan sebagai detik pemutusan sejarah penjajahan. Sebaliknya, ia mengusulkan bahawa kemerdekaan berfungsi sebagai konfigurasi semula struktur kuasa kolonial. Artikel ini menyumbang kepada perbincangan mengenai kenegaraan pascakolonial, elit Anglophile, dan dekolonisasi epistemik, serta penilaian semula kemerdekaan sebagai satu bentuk penyusunan semula kuasa kolonial, bukannya pengakhiran kolonialisme.

KATA KUNCI:

Anglophile, elit Melayu, merdeka, pascakolonial, Malaysia

ABSTRACT

Mainstream narratives on the formation of Malaysia tend to emphasize independence negotiations, constitutional compromises, and territorial integration as the basis for the legitimacy of the postcolonial state. However, this approach often ignores more fundamental questions about how colonial power structure and epistemology were maintained through the formation of Anglophile elites, particularly among the Malay upper class. This paper argues that the formation of Malaysia should be seen as a process of power transition designed to maintain the continuity of colonial structures and systems in a modern nation-state. Drawing on classical elite theory and postcolonial framework, this paper examines the recruitment of the Anglophile Malay elite as a mechanism for the maintenance of colonial power after independence through (1) targeting local nobility and administrators as colonial intermediaries; (2) the construction of colonial knowledge that marginalizes indigenous knowledge systems; (3) an integrated colonial education system; and (4) ideological and political networks aligned with Western traditions. This Anglophile recruitment strategy formed a postcolonial ruling class that was not only technocratically trained but also internalized colonial political rationality. The 1957 transfer of power can thus be understood as a transformed continuity, in which the “independent” state emerged without a radical break from colonial epistemological foundations and institutions. By examining the Anglophile elite recruitment strategy in the formation of Malaysia, this article challenges the conventional understanding of independence as a historical break from colonialism. Instead, it proposes that independence functioned as a reconfiguration of colonial power. This article contributes to the debate on postcolonial statehood, Anglophile elites, and epistemic decolonization, as well as a re-evaluation of independence as a form of colonial power reconstitution, rather than the end of colonialism.

KEYWORDS:

Anglophile, Malay elite, independence, postcolonial, Malaysia

1.0 Pengenalan

Sejak kemerdekaan pada tahun 1957 dan pembentukan Malaysia pada tahun 1963, negara ini telah melalui lebih enam dekad proses pembinaan negara bangsa moden. Namun, perbincangan tentang pembentukan negara ini sering tertumpu kepada dimensi politik formal seperti rundingan kemerdekaan, pembentukan perlembagaan dan integrasi wilayah, tanpa memberi perhatian mencukupi kepada persoalan struktur kuasa dan pembentukan golongan elit Anglophile.

Pembentukan negara merdeka tidak sekadar melibatkan pemindahan hak pemerintahan secara perundangan, tetapi juga pembinaan kerangka epistemologi, identiti nasional, serta susunan institusi yang menentukan orientasi kuasa jangka panjang. Dalam konteks Malaysia, pelbagai permasalahan struktural termasuk keterikatan kepada model institusi kolonial, kerapuhan identiti dalam kerangka multikulturalisme, dan dominasi epistemologi Barat dalam wacana dasar menimbulkan persoalan tentang sejauh mana kemerdekaan benar-benar menamatkan penjajahan. Adakah Malaysia menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat untuk menentukan sendiri perjalanannya? Atau menjadi vassal state dan terus bergantung kepada kuasa asing?

Artikel ini mengemukakan hujah bahawa salah satu dimensi yang kurang diperhalusi dalam pembentukan Malaysia ialah strategi rekrutmen elit Anglophile yang dijalankan secara sistematik pada era kolonial. Strategi ini bukan sekadar membentuk pentadbir tempatan, tetapi menghasilkan kelas elit pascakolonial yang kekal beroperasi dalam orbit epistemologi dan jaringan kuasa British. Lontaran perbincangan ini penting kerana ia bukan sahaja memberi implikasi besar kepada pembentukan Malaysia, tetapi juga kesan imperialisme Barat yang berpanjangan kepada kedaulatan Malaysia hari ini.

2.0 Rekrutmen Elit Anglophile

Teori elit klasik menegaskan bahawa setiap masyarakat terbahagi kepada golongan penguasa (*elite*) dan golongan yang dikuasai (*masses*). Penjajah merekrut dan melatih golongan elit tempatan untuk mengangkat golongan elit ini menjadi pemerintah yang melaksanakan agenda penjajah dan tetap menjaga kepentingan penjajah walaupun setelah merdeka. Rekrutmen elit biasanya berlaku daripada lapisan sosial atasan melalui mekanisme yang bersifat self-perpetuating, iaitu elit menggantikan diri mereka dengan individu daripada latar belakang sosial yang serupa. Proses ini memperkukuh autonomi elit, mengawal akses kepada sumber kuasa dan sangat berkait dengan legitimasi sistem politik ke hadapan.

Banyak perbincangan mengenai rekrutmen elit hanya melontarkan soal pertukaran kepimpinan elit sesebuah negara atau rekrutmen bersifat ketenteraan dan jarang dibincangkan dalam wacana negara pascakolonial. Dalam konteks negara pascakolonial, agenda imperialisme diteruskan dengan usaha rekrutmen elit (*recruitment of elite*), pembentukan elit (*grooming of elite*), dan peredaran elit (*circulation of elite*) kepada golongan atasan untuk membentuk kumpulan kelas atasan Anglophile yang dirancang bagi persiapan ke arah negara bangsa yang merdeka.

Dalam konteks penjajahan British di Malaysia, rekrutmen Anglophile dalam kalangan elit Melayu berfungsi sebagai mekanisme peralihan kuasa terkawal dengan membentuk lapisan elit tempatan yang dilatih untuk menginternalisasi nilai, sistem dan rasionaliti pemerintahan kolonial. Dalam kerangka ini, rekrutmen elit tidak terhad kepada latihan pentadbiran, tetapi melibatkan proses pembentukan worldview. Rekrutmen Anglophile membawa kepada perubahan worldview seseorang sehingga memberi penilaian yang berlainan kepada kesedaran dirinya (*self-perception*) dalam menafsir, memahami dan memaknai sejarah, falsafah dan kewujudan diri dalam peradabannya yang asal. Perubahan dalam worldview dan kesedaran diri ini membentuk bagaimana seseorang itu memberi makna kepada identiti dirinya. Perkara ini juga boleh dilihat sebagai satu bentuk penghapusan keilmuan tempatan (*epistemicide*).

Konsep Anglophile merujuk kepada individu yang bukan sahaja menguasai bahasa dan sistem British, tetapi menginternalisasi nilai, norma dan epistemologi Anglo-Saxon sebagai rujukan utama dalam memahami politik, sejarah dan pembangunan. Fenomena ini selari dengan gambaran yang pernah diuraikan oleh Frantz Fanon melalui metafora "*black skin, white masks*" iaitu keadaan di mana identiti lahiriah kekal tempatan, tetapi kesedaran dan orientasi mental terbentuk dalam kerangka kolonial. Dalam konteks Melayu, rekrutmen Anglophile tidak menghasilkan "orang Barat" secara fizikal, tetapi membentuk elit yang beroperasi dalam sistem makna dan rasionaliti Barat.

Tujuan utama strategi rekrutmen elit Anglophile adalah bagi memastikan kesinambungan hubungan kolonial, di mana elit yang dibentuk bukan sahaja berperanan menstabilkan pemerintahan semasa penjajahan, tetapi juga berfungsi sebagai pewaris struktur kuasa kolonial selepas kemerdekaan. Golongan elit Anglophile yang telah melalui proses rekrutmen ini diberikan posisi yang strategik dalam pentadbiran negara. Hal ini bertujuan bagi melaksanakan proses pembaratan atau mengekalkan idea barat dalam pembentukan negara bangsa pascakolonial. Dengan cara ini, walaupun negara mencapai

status merdeka secara formal, ia tetap berada dalam lingkungan pengaruh British melalui elit yang telah dibentuk dan diintegrasikan ke dalam rangkaian politik, ekonomi dan intelektual kolonial.

3.0 Model rekrutmen Anglophile dalam pembentukan Malaysia

Model rekrutmen Anglophile dalam pembentukan Malaysia dapat diuraikan melalui empat kaedah utama: (1) penyasaran golongan bangsawan dan pentadbir tempatan sebagai perantara kolonial; (2) pembinaan ilmu kolonial yang meminggirkan sistem pengetahuan tempatan; (3) sistem pendidikan kolonial bersepadu; dan (4) jaringan fraterniti yang eksklusif.

3.1 Sasaran Rekrutmen Anglophile kepada Pemerintah Melayu

Strategi utama British di Tanah Melayu tertumpu kepada pembentukan golongan Anglophile daripada golongan pemerintah Melayu. Pendekatan ini bermula pada era Victoria, khususnya apabila Frank Swettenham dilantik sebagai Residen Selangor pada tahun 1882. Swettenham memperkenalkan strategi yang dikenali sebagai *conciliation of the Malay ruling class*, iaitu mendekati dan mengukuhkan kerjasama dengan golongan bangsawan serta kelas pemerintah Melayu. Strategi ini dianggap sebagai langkah berkesan kerana golongan elit Melayu mempunyai kedudukan strategik dalam masyarakat tempatan dan mampu memastikan kesinambungan pengaruh British melalui saluran kuasa tradisional.

Sebaliknya, bagi masyarakat Melayu kebanyakan, British mengamalkan pendekatan *non-interference of the Malay villagers*. Mereka sengaja dibiarkan terpisah daripada arus pembangunan pendidikan, teknologi, dan ekonomi moden. Perkara ini bukan sahaja berpunca daripada strategi kolonial yang mahu mengekalkan jurang sosial, tetapi juga daripada keengganan orang Melayu desa untuk bekerja di bawah struktur ekonomi kolonial. Akibatnya, majoriti masyarakat Melayu terpinggir, manakala akses kepada pendidikan moden hanya terbuka kepada kelompok elit yang menjadi sasaran rekrutmen Anglophile.

Model rekrutmen British terhadap elit Melayu dapat dilihat melalui perjalanan pendidikan dan pembentukan awal Tun Abdul Razak serta Tunku Abdul Rahman di England. Pemberian biasiswa ke institusi seperti Raffles College dan kemudiannya ke Lincoln's Inn di London bukan sekadar bertujuan melatih bakal pegawai kolonial, tetapi juga menjadi pintu masuk kepada pengaruh sosial, politik, dan intelektual British. Melalui jaringan seperti Fabian Society, Malayan Forum, dan London Labour Party, pemerintah Melayu ini diperkenalkan kepada idea-idea sosialisme demokratik, politik berparlimen, serta kaedah berkempen. Penglibatan aktif mereka membuktikan strategi rekrutmen ini bukan sekadar melibatkan pendidikan formal, tetapi juga mengikat mereka dalam satu ekosistem sosial dan ideologi British.

3.2 Pembentukan Ilmu Kolonial dan Epistemologi Barat

Ilmu kolonial merujuk kepada pengetahuan yang dibentuk oleh kuasa penjajah melalui kaedah pengumpulan dan penafsiran maklumat, lalu diangkat sebagai kerangka dominan dalam memahami identiti serta sejarah bangsa yang dijajah. Dalam konteks Tanah Melayu, kaedah utama British untuk menguasai ruang epistemologi ilmu bangsa Melayu dilakukan melalui beberapa proses. Pertama, mengumpulkan fakta dan data tentang sastera, sejarah, adat, politik serta sosioekonomi masyarakat Melayu sehingga terbentuk satu korpus ilmu kolonial yang tersusun. Kedua, British menghapuskan keilmuan tempatan (*epistemicide*) dan memberi makna semula (*redefine*) terhadap peristiwa sejarah, geografi Alam Melayu, sosiologi kemasyarakatan, pemerintahan, pembangunan malah terhadap cita rasa dan jati diri orang Melayu. Dengan cara ini, kolonialisme ilmu bukan sahaja menyediakan 'fakta'

untuk membentuk naratif rasmi, tetapi juga menyingkirkan khazanah keilmuan Melayu sebagai rujukan utama, sehingga bangsa Melayu semakin terpisah daripada warisan epistemologi mereka sendiri yang telah terbina lama sebelum dijajah.

Epistemicide merupakan konsep yang diperkenalkan oleh Boaventura de Sousa Santos untuk menerangkan proses penghapusan sistem pengetahuan sesuatu masyarakat akibat hegemoni epistemologi Barat. Ia bukan sekadar tindakan menafikan kewujudan ilmu tradisional atau kepakaran tempatan, tetapi juga mengangkat ilmu moden Barat sebagai satu-satunya bentuk pengetahuan yang sah. Melalui proses ini tradisi intelektual tempatan dipinggirkan atau digantikan dengan struktur ilmu kolonial. Dalam konteks imperialisme British di Tanah Melayu, epistemicide berlaku apabila sistem pendidikan moden Barat diperkenalkan untuk menggantikan epistemologi dan sistem pendidikan bangsa Melayu, sehingga membentuk suatu mentaliti kolonial dan eurosentrik (captive mind).

3.3 Sistem Pendidikan Kolonial Bersepadu

Penubuhan institusi pendidikan Inggeris di Tanah Melayu sejak abad ke-19 merupakan sebahagian dari strategi rekrutmen Anglophile yang rapi. Sekolah-sekolah seperti Penang Free School (1816), Raffles Institution (1823), Victoria Institution (1893), Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) (1905), Kolej Sultan Abdul Hamid (1908), dan Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru (1914) ditubuhkan dengan idea pendidikan kolonial Barat dan kebanyakannya dinaungi oleh sultan.

Fungsi institusi ini bukan sekadar pendidikan semata-mata. Ia merupakan tapak rekrutmen kolonial yang dirancang untuk membina satu kelas menengah-bangsawan Melayu yang dapat berfungsi sebagai penyampai dan rasionalisasi idea imperialisme kepada masyarakat tempatan. Modul pendidikan yang digunakan sarat dengan etos Inggeris seperti menekankan disiplin, pentadbiran, sains moden, serta naratif sejarah yang selektif dan berat sebelah. Misalnya, di Penang Free School, pengajaran sejarah Melayu diajar bermula hanya dari Kesultanan Melaka, sekali gus memutuskan kesinambungan sejarah panjang tamadun Melayu-Islam yang mendahuluinya.

Pada masa yang sama, sekolah-sekolah elit Inggeris ini juga berperanan sebagai alat penyaringan sosial. Hanya anak-anak daripada kelompok bangsawan, golongan berada, dan sebahagian kecil cerdik pandai Melayu yang berpeluang menjejaskan kaki ke institusi ini. Murid-murid yang cemerlang kemudian disalurkan ke peringkat lebih tinggi, sama ada ke Raffles College di Singapura, atau ke institusi undang-undang dan universiti di England seperti Cambridge, Oxford, Inner Temple atau Lincoln's Inn. Proses ini sering disokong oleh biasiswa kolonial, seperti Malayan Union Scholarship, yang berfungsi sebagai mekanisme mobiliti sosial terkawal di bawah kerajaan British.

Penubuhan Malayan Civil Service (MCS) merupakan langkah seterusnya dalam strategi British untuk membentuk sebuah kelompok pentadbir elit Melayu Anglophile. Skim pengambilan pegawai Melayu pada peringkat awal dilaksanakan melalui Higher Subordinate Class Scheme, yang kemudiannya dikenali sebagai Malay Administrative Service (MAS). Rekrutmen ke dalam MCS adalah proses yang sangat selektif di mana seseorang pegawai Melayu lazimnya perlu mempunyai minimum lapan tahun pengalaman dalam MAS sebelum layak dipertimbangkan.

Proses pemilihan ini menitikberatkan rekomendasi institusi pendidikan kolonial elit seperti MCKK, di mana pengetua MCKK sendiri terlibat secara langsung dalam memilih calon untuk skim perkhidmatan ini. Rekrutmen awal MAS misalnya, mencatatkan bahawa pada tahun 1910, seramai 19 orang pembantu pegawai Melayu diambil terus dari MCKK dengan latihan langsung oleh pengetua W. Hargreaves. Menjelang 1916, jumlah ini bertambah kepada 40 orang termasuk tokoh seperti Raja Said

Tauphy ibni Sultan Abdullah Muhammad Shah II, anakanda Sultan Perak, yang menjadi pegawai senior.

Selain itu, strategi rekrutmen Anglophile melalui sistem pendidikan juga merangkumi penyediaan tenaga pengajar dengan kerangka imperialisme. Misalnya, Anthony Burgess adalah antara tenaga pengajar yang membawa idea penyediaan sebuah negara baru (new republic). Idea tersebut diambil daripada idea Orwell ketika di dalam Fabian Society. Anthony Burgess telah menjadi tenaga pengajar di MCKK kemudian berkhidmat di Malay Teacher's Training College di Kelantan.

Anthony Burgess menerima pendidikan Roman Katolik di Xavier's College di England. Ketika di MCKK, antara anak murid Burgess adalah Ishak (presiden pertama Singapura), Sir Thomas Shenton (gabenor Negeri-negeri Selat terakhir), Mustapha Harun (ketua menteri Sabah pertama), Haji Mokhtar (ulama sufi), Balwat Singh (tokoh yang berpengaruh bagi pendatang India) dan Poh Gaik (tokoh yang berpengaruh bagi pendatang Cina). Kebanyakan anak-anak muridnya adalah orang-orang ternama dari pelbagai kaum di Asia Tenggara dan Malaysia.

Kebanyakan idea-idea Anthony Burgess adalah hasil inspirasi daripada idea yang diambil daripada George Orwell, seorang ahli Fabian Society. Antara tulisan Orwell yang mempengaruhi pemikiran Burgess adalah seperti buku *Nineteen Eighty-Four* (1949) yang membawa ilustrasi bagaimana selepas perang dunia, negara kuasa besar atau superstate berupaya memecah-belahkan negara-negara lain. Rakan karib Orwell, iaitu Aldous Huxley merupakan individu yang telah memperkenalkan Orwell kepada Fabian Society.

Tuntasnya, sistem pendidikan kolonial di Tanah Melayu sebenarnya membentuk suatu ekosistem rekrutmen elit Anglophile yang lengkap; bermula di sekolah menengah elit, disalurkan ke kolej Inggeris, seterusnya dihantar ke universiti di England, dan akhirnya kembali untuk berkhidmat dalam struktur pentadbiran kolonial.

3.4 Jaringan Fraterniti yang Eksklusif

Satu dimensi penting dalam strategi rekrutmen Anglophile ialah penyertaan elit terpilih dalam kumpulan fraterniti eksklusif yang berakar daripada tradisi politik Inggeris seperti pertubuhan Freemason. Dalam ekosistem rekrutmen Anglophile, kumpulan fraterniti ini memainkan peranan penting sebagai mekanisme ideologi dan sosial untuk mengikat golongan elit Melayu Anglophile dalam rangka imperialisme British. Fraterniti bukan sekadar "persaudaraan" dalam makna moral, tetapi merupakan persaudaraan yang dibina secara eksklusif melalui ritual, gaya hidup dan jaringan sosial Anglo. Di sinilah fraterniti berfungsi menyatukan elit tempatan dengan elit kolonial, membentuk rasa tanggungjawab bersama, sekaligus mengekalkan orientasi kesetiaan kepada nilai dan struktur imperial.

Perkumpulan fraterniti merupakan sebahagian daripada strategi informal empire, iaitu peluasan kuasa British secara tidak langsung melalui ikatan sosial, intelektual dan budaya. Dengan menanamkan ikatan fraternal, British berjaya menjadikan elit-elit Melayu sebagai self-reproducing agents of empire iaitu ejen yang secara sukarela melanjutkan kesinambungan idea imperialisme Barat melalui pentadbiran, pendidikan, dan politik pascakolonial.

Antara fraterniti yang paling berpengaruh ialah Fabian Society, iaitu sebuah political think tank yang ditubuhkan pada tahun 1884 untuk berfungsi sebagai wadah penyebaran idea sosialisme demokratik tetapi dengan tujuan tersirat untuk membentuk suatu orde dunia baharu yang dikawal oleh elit global. Tokoh-tokoh seperti H. G. Wells memperkukuh agenda ini dengan memperkenalkan gagasan *The New Republic*, yang membayangkan sebuah dunia berbahasa Inggeris, berlandaskan undang-undang

bersama, dan dipimpin oleh minoriti elit. Idea ini memberi justifikasi intelektual kepada Fabian Society dalam membentuk naratif pembangunan politik dan ekonomi pascakolonial.

Dalam konteks Asia Tenggara, Fabian Society menjadi tapak rekrutmen ideologi bagi pelajar Melayu dan Singapura yang melanjutkan pengajian di London selepas Perang Dunia Kedua. Antara yang terlibat ialah Tun Abdul Razak, Lee Kuan Yew, S. Rajaratnam dan Goh Keng Swee. Mereka bukan sekadar menjadi anggota Fabian society, tetapi turut dilatih dengan strategi retorik politik, kaedah berkempen, serta idealisme demokrasi-parlimen beracuan Westminster. Dari jaringan inilah lahir Malayan Forum, sebuah platform politik mahasiswa Malaya dan Singapura yang berfungsi sebagai medan wacana tentang kemerdekaan, tetapi dengan acuan ideologi yang masih berakar pada epistemologi kolonial.

Penyertaan elit rantau ini ke dalam Fabian Society dan penubuhan Malayan Forum meunjukkan bahawa strategi rekrutmen Anglophile bukan sahaja berlaku di institusi pendidikan elit seperti MCKK atau Raffles College, tetapi juga diperkukuh melalui jaringan ideologi dan sosial eksklusif di luar tanah jajahan. Strategi ini memastikan kesinambungan dominasi Anglo dalam pembentukan negara-bangsa pascakolonial, sekalipun dengan wajah politik yang kelihatan nasionalis dan merdeka.

4.0 Kajian Kes Rekrutmen Elit Melayu Anglophile

4.1 *Tunku Abdul Rahman*

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj merupakan contoh bagaimana proses rekrutmen Anglophile terhadap elit Melayu dijalankan melalui ekosistem pendidikan kolonial dan penempatan strategik dalam struktur pentadbiran British. Pendidikan awalnya bermula di Bangkok, kemudian melalui pendidikan di Penang Free School dan Kolej Sultan Abdul Hamid, sebelum meneruskan pengajian di England.

Pada tahun 1922, Tunku menyambung pengajian di University of Cambridge dan ditempatkan di St. Catherine's College di bawah seliaan Crown Agents. Penempatan ini dirancang khas untuk anak-anak pembesar Asia dan India bagi menjalani kehidupan bersama paderi Church of England. Malah sebelum itu, beliau turut menerima pendidikan di Little Stukeley di bawah bimbingan Paderi Edgar A. Vigers, yang khusus ditugaskan untuk mendidik golongan elit bukan Eropah.

Pada tahun 1926, Tunku meneruskan pengajian undang-undang di Inner Temple, London. Kehadiran beliau di institusi ini menempatkan beliau dalam jaringan eksklusif bersama pelajar terpilih daripada golongan aristokrat Melayu, termasuk Tunku Abdul Rahman (Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan), Nik Ahmed Kamil (Kelantan), Raja Musa (Selangor), Abdul Wahab (Perak), Taib Andak (Johor), serta penerima biasiswa Permaisuri, Lim Hong Bee. Namun begitu, Tunku Abdul Rahman telah gagal dalam pelajarannya dan kembali ke Tanah Melayu.

Sekembalinya ke Tanah Melayu, Tunku menyertai perkhidmatan undang-undang kolonial. Beliau pada mulanya bertugas di pejabat Pegawai Undang-undang di Alor Setar, sebelum dilantik sebagai Timbalan Pendakwa Raya. Tidak lama kemudian, hasil sokongan langsung daripada Peguam Negara, Foster-Sutton, Tunku dinaikkan pangkat sebagai Presiden Mahkamah Selangor. Tunku kemudiannya menyambung semula pelajarannya di London. Dalam tempoh ini, Tunku terlibat dengan Malay Society of Great Britain, yang menghimpunkan tokoh-tokoh elit Melayu. Hal ini merupakan titik tolak dalam memperkukuhkan rangkaian politik dan sosial yang menjadi penting dalam proses kemerdekaan kelak.

Peralihan Tunku ke gelanggang politik berlaku pada tahun 1951, ketika Dato' Onn Jaafar meletakkan jawatan sebagai Presiden UMNO. Walaupun pada masa itu, kualiti dan kemampuan Tunku sebagai

pemimpin hampir tidak diketahui di luar Kedah tetapi Tunku dilantik menjadi salah seorang calon untuk menjadi presiden UMNO pada ketika itu. Ketika memimpin rundingan kemerdekaan, Tunku telah mendapat sokongan daripada British Labour Party, yang telah mendanai sebahagian daripada perbelanjaan perjalanan Tunku ke London bagi rundingan kemerdekaan di samping sumbangan dari orang kampung.

Ringkasnya, perjalanan pendidikan dan kerjaya Tunku Abdul Rahman menunjukkan bagaimana rekrutmen Anglophile berlaku secara sistematik melalui pendidikan kolonial, penempatan strategik di institusi elit Inggeris, jaringan fraterniti kolonial di London, dan akhirnya melalui penyertaan dalam pentadbiran kolonial.

4.2 Tun Abdul Razak

Tun Abdul Razak mendapat pendidikan di MCKK (1934–1939). Selepas itu, beliau menerima biasiswa ke Raffles College (1939–1941), pusat latihan pegawai kolonial, sebelum berjaya memperoleh Malayan Union Scholarship untuk melanjutkan pelajaran ke England. Di London, beliau menamatkan pengajian undang-undang di Lincoln's Inn dan kemudiannya melanjutkan pelajaran dalam bidang ekonomi di Cambridge University. Tun Razak merupakan pelajar yang bijak kerana kedua-dua bidang pengajian ini selesai dalam tiga tahun.

Di England, Tun Razak terlibat aktif dalam Fabian Society, Malayan Forum, dan London Labour Party. Fabian Society memperkenalkannya kepada asas idea sosialisme demokratik iaitu suatu idea yang menekankan reformasi secara berperingkat dan pembangunan negara melalui institusi demokrasi. Malayan Forum yang ditubuhkannya bersama pelajar dari Malaya dan Singapura menjadi wadah intelektual utama bagi membahaskan hal-hal kenegaraan dan soal kemerdekaan dalam acuan wacana keilmuan Barat. Penglibatannya dalam Labour Party melatih beliau dengan teknik berkempen, strategi retorik, dan pengurusan pilihan raya. Lingkaran sosial ini mengasah keupayaan politiknya serta membentuk identitinya sebagai nasionalis berjiwa sosialis dan internasionalis.

Beliau juga bergaul rapat dengan elit Asia Tenggara lain seperti Lee Kuan Yew, S. Rajaratnam, Goh Keng Swee, dan James Puthuchery yang menghubungkan bangsawan Melayu dengan golongan intelektual-pemerintah yang melalui pendidikan kolonial. Seterusnya, Tun Razak membina jaringan politik dengan Tunku Abdul Rahman melalui Malay Society of Great Britain, bahkan membawa Tunku ke dalam Labour Party serta memperkenalkannya dengan kaedah kempen politik moden. Ini merupakan proses penting dalam pembentukan kelas politik pascakolonial yang diikat dalam tradisi Anglo tetapi berorientasikan kebangsaan.

Pengalaman Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak menggambarkan bagaimana ekosistem rekrutmen Anglophile berfungsi. Kedua-duanya melalui laluan pendidikan kolonial dari institusi elit tempatan ke England, dan terlibat dalam jaringan ideologi dan politik seperti Labour Party dan Fabian Society. Penglibatan mereka dalam Malayan Forum di London menunjukkan bahawa wacana kemerdekaan dibincangkan dalam kerangka politik demokratik-parlimen Barat. Ini tidak menafikan komitmen nasionalisme mereka, tetapi memperlihatkan bahawa bentuk negara pascakolonial tetap berakar pada model Westminster. Kemerdekaan pada tahun 1957 dengan demikian boleh dibaca sebagai peralihan kuasa yang berlaku dalam kerangka institusi dan epistemologi kolonial, bukannya transformasi mendasar dan menyeluruh terhadap struktur negara yang berdaulat.

5.0 Penutup

Penulisan ini tidak menafikan sumbangan elit pascakolonial, tetapi mengajak penilaian semula terhadap dimensi struktural dalam pembentukan Malaysia. Persoalan kritikal yang wajar diajukan ialah sejauh mana pembinaan negara Malaysia benar-benar bebas dari kerangka imperialisme, dan sejauh mana ia sekadar menginstitusikan semula struktur tersebut dalam bentuk negara bangsa moden? Negara mungkin mencapai kemerdekaan secara rasmi, namun jika epistemologi, institusi dan jaringan elit kekal dalam orbit kolonial, maka bentuk kuasa yang terhasil adalah bersifat kesinambungan terubah (*transformed continuity*).

Pembentukan Malaysia perlu dinilai bukan sahaja sebagai peristiwa politik, tetapi perlu mengambil kira proses pembentukan elit Anglophile serta struktur kuasa dan epistemologi pembinaan negara. Strategi rekrutmen Anglophile memperlihatkan bagaimana kolonialisme boleh berterusan dalam bentuk halus melalui pembentukan kelas pemerintah yang terintegrasi dalam jaringan kuasa imperial. Dalam konteks wacana kontemporari tentang kedaulatan, dekolonisasi ilmu dan reformasi institusi, kajian mengenai rekrutmen elit Anglophile membuka ruang kepada perbincangan yang lebih mendalam tentang makna kemerdekaan sebenar.

Penghargaan

Penulisan ini telah dibentangkan dalam Dialog Kuasa Nasional Siri 4 anjuran IRIS Institute yang bertemakan “Pengaruh imperialisme British dalam pembentukan negara Malaysia” pada 20 September 2025. Penulis menyampaikan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur atas ruang wacana ilmiah yang disediakan, serta kepada para peserta dialog yang telah memberikan pandangan, kritikan membina, dan sumbangan intelektual secara langsung mahupun tidak langsung. Segala input tersebut amat membantu dalam memperkukuh hujah, memperhalusi analisis, dan menambah baik mutu penulisan ini.

Rujukan

- Abd Rahim, N. S., & Arshad, I. S. M. R. (2020). The Impact Of Burhanuddin Helmi’s Rihlah Towards Malay Society. *International Journal of West Asian Studies*, 12.
- Abd. Samad, P. (1998). *Tun Abdul Razak: A phenomenon in Malaysian politics*. Affluent Master.
- Abu Hanifah Haris. (2014). Reaksi British Terhadap Kegiatan Majlis Agama Tertinggi (MATA) dan Hizbul Muslimin di Tanah Melayu, 1948-1949. *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 42. pp. 38-56.
- Ahmad Murad, M. (2016). “Penang Free School and producing the Anglophile.” The New Straits Times. 27 September 2016.
<https://www.nst.com.my/news/2016/09/176347/penang-free-school-and-producing-anglophile>.
- Anthony, S.K & Tony, S. (2002). *Malay Political Leadership*. Routledge Curzon.
- Beng, O. K. (2015). *Lim Kit Siang: Defying the Odds*. Marshall Cavendish International Asia Pte Ltd.
- Brezis, E. S. (2010). *The Effects of Elite Recruitment on Social Cohesion and Economic Development*. December. URL: <https://www.oecd.org/development/pgd/46837524>.
- Burgh, J. (1985). Creating Anglophiles. *English Today*, 1(3), 18-19.

- Case, W. F. (1996). *Elites and regimes in Malaysia. Revisiting a Consociational Democracy*. Clayton: Monash Asia Institute.
- Coker, T. A. (2005). 'A Sort of Parricide': HG Wells and the Making of George Orwell. Theses. https://open.clemson.edu/all_theses/2593/
- David, A.R. (2004). *Final Warning: A History of The New World Order*. InteliBooks Publishing.
- de Sousa Santos, B. (2015). *Epistemologies of the South: Justice against epistemicide*. Routledge.
- Fabian Society. (n.d). *Our History*. <https://fabians.org.uk/about-us/our-history/>.
- Fanon, F. (1970). *Black Skin, White masks (Vol. 221)*. London: Paladin.
- Gould, J. W. (1969). *The United States and Malaysia*. Harvard University Press.
- Hayek, F. A., (1946). The London School of Economics, 1895–1945. *Economica*, 13(49): 1–31.
- Hirschman, C. (1986). The making of race in colonial Malaya: Political economy and racial ideology. In *Sociological Forum*. Vol. 1, No. 2. pp. 330-361. Kluwer Academic Publishers.
- Koh, A. (2016). Asian Bodies, English Values. In: Williams, J.H., Bokhorst-Heng, W.D. (eds.) *(Re)Constructing Memory: Textbooks, Identity, Nation, and State*. Sense Publishers, Rotterdam. https://doi.org/10.1007/978-94-6300-509-8_8
- Langohr, V. (2005). Colonial education systems and the spread of local religious movements: The cases of British Egypt and Punjab. *Comparative Studies in Society and History*, 47(1). pp. 161-189.
- Malay College Kuala Kangsar. (n.d). *About MCKK*. MCKK. <https://mckk.edu.my/about/about-mckk/>.
- Milner, A.C. (1979). The Sultan and the missionary. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 09. pp. 1-15.
- Mohamed Amin & Caldwell, M. (1977). *Malaya: The Making of a Neo-Colony*. Bertrand Russell Peace Foundation.
- Mustaffa, S. (2012). Tun Dr. Ismail: Biografi dan Peranan Di Awal Kemerdekaan (1951-1959). *Malaysia Dari Segi Sejarah, Bil. 40*. pp. 70-87.
- Naffi, M., & Norazimah, Z. (2014). Wasilah mesej melayu melalui penyair zaman SITC (1922-1957). *Jurnal Melayu*, 13. pp. 40-51.
- Nagle, J. (1992). Recruitment of elites. In M. Hawkesworth & M. Kogan (Eds.), *Encyclopedia of government and politics*. Vol. 1, pp. 486-503. London & New York: Routledge.
- Philip, H. K. F., & Helen, P. L. M. (2005). Higher education, imperialism and colonial transition. In *Education and Society in Hong Kong and Macao*. pp. 109-125. Springer. Dordrecht.
- Shamsul, A. B. (1999). Colonial knowledge and the construction of Malay and Malayness: Exploring the literary component. *Sari: International Journal of the Malay World and Civilisation*, 17, 3–17.
- Socialist International (1962). Socialist International Council Conference, Oslo. <https://www.socialistinternational.org/consejos/oslo-1962/>.
- Stevenson, R. (1975). *Cultivators and administrators: British educational policy towards the Malays, 1875-1906*. Kuala Lumpur. Oxford University Press.

- Syed Hussein Alatas. (1974). The Captive Mind and Creative Development. *International Social Science Journal*, 26(4), 691-700.
- Tan, Y.S and Santhiram, R.R. (2009). The British Educational Policy for the Indigenous Community in Malaya: Dualistic Structure, Colonial Interests and Malay Radical Nationalism. *CenPRIS Working Paper No. 103/09*. June 2009. pp.1-12.
- The International Anthony Burgess Foundation. (n.d). *Anthony Burgess*. <https://www.anthonymburgess.org/about-anthony-burgess/>.
- The International Anthony Burgess Foundation (n.d). *Dystopias: Burgess and George Orwell*. <https://www.anthonymburgess.org/twentieth-century-dystopian-fiction/dystopias-burgess-george-orwell/>.
- Thomas, M., & Thompson, A. (2013). Empire and Globalisation: from 'high imperialism' to decolonisation. *The International History Review*, 36(1). 142-170.
- University of Reading. (n.d). *Astor: A Short Timeline*. University of Reading, <https://research.reading.ac.uk/astor100/nancy-astor/astors-history/>.
- Wah, Y. K. (1980). The Grooming of an Elite: Malay Administrators in the Federated Malay States, 1903-1941. *Journal of Southeast Asian Studies*, 11(2). 287-319.
- Wicks, P. (1980). Education, British colonialism, and a plural society in West Malaysia: The development of education in the British settlements along the Straits of Malacca, 1786-1874. *History of Education Quarterly*, 20(2), 163-187.
- Yacob, S., & White, N. J. (2010). The 'unfinished business' of Malaysia's decolonisation: the origins of the Guthrie 'Dawn Raid'. *Modern Asian Studies*, 919-960.
- Yang, A. J. A. (2016). Aliran Fabian dalam Gerakan Politik di Malaysia (1952-1970): Suatu Tinjauan Awal daripada Perspektif Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(2), 67-77.